



جايتن اوکور
SURVEY DEPARTMENT
MINISTRY OF DEVELOPMENT
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

RUJ: [23] dlm.SS/1223/2

Tarikh : 01 Muharram 1448H
17 Jun 2026

SIARAN AKHBAR

Untuk dikeluarkan pada 18 Jun 2026

**Seminar dan Aktiviti Ilmu Falak dan Astronomi Anjuran Jabatan Ukur
Sempena Brunei MYCE 2026**

17 Jun 2026, Rabu, Bandar Seri Begawan – Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan dengan sukacitanya mengumumkan seminar dan aktiviti menarik sebagai sebahagian daripada acara Brunei *Mid-Year Conference and Exhibitions (MYCE) 2026*, bertemakan “**Menerokai Ilmu Falak dan Astronomi: Mengungkap Keindahan Alam Semesta.**”

Inisiatif ini bertujuan untuk memupuk minat masyarakat terhadap ilmu falak serta menonjolkan kepentingannya dari sudut budaya, sains dan kerohanian. Program ini akan berlangsung dari 15 Jun hingga 7 Julai 2026 dengan sejumlah empat (4) acara yang dirancang sepanjang tempoh tersebut dengan harga pendaftaran seperti berikut:

- Rukyah Hilal Muharram 1448H telah diadakan pada 15 Jun 2026, iaitu aktiviti melihat anak bulan secara tradisional bagi menandakan tahun baru Islam di beberapa lokasi cerapan di seluruh Brunei iaitu Taman Rekreasi Tanjung Batu, Bukit Agok, Bukit Ambog dan Bukit Lumut. Yuran: BND \$15.00
- *Astro Adventures Boot Camp* pada 21 Jun 2026 di Taman Jubli Perak, Daerah Brunei-Muara, iaitu kem astronomi sehari penuh untuk para peminat astronomi. Yuran: BND \$25.00
- *Explore the Milky Way* pada 5 – 6 Julai 2026 di Taman Rekreasi Hutan Luagan Lalak, Daerah Belait, iaitu pengembaraan cerapan bintang semalaman untuk menikmati keindahan galaksi. Yuran: BND \$30.00
- Seminar Ilmu Falak dan Astronomi pada 7 Julai 2026 di Dewan Mawaddah, Setia Point Co., Daerah Brunei-Muara dengan pembentangan oleh pakar tempatan dan luar negara serta perbincangan mengenai peranan astronomi dalam sains dan Islam. Yuran: BND \$30.00

Pakej khas ditawarkan bagi beberapa acara pada kadar diskaun:

- **Pakej A:** Rukyah Hilal, *Explore the Milky Way*, Seminar – BND \$60
- **Pakej B:** *Explore the Milky Way*, Seminar – BND \$50
- **Pakej C:** *Explore the Milky Way*, Rukyah Hilal – BND \$40

Maklumat pendaftaran dan program boleh didapati melalui laman rasmi Jabatan Ukur www.survey.gov.bn.

-TAMAT-

Disediakan oleh:
Serina Alyssa binti Udan
Ketua Juruteknik Ukur
Jabatan Ukur
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam
Tel: +673 867 7602
Emel: serina.udan@survey.gov.bn

Dibenarkan oleh:
Dk Siti Saihalina binti Pg Hj Ibrahim
Pemangku Juruukur Agung
Jabatan Ukur
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam.